

06 MAR 2004

Pilihan Raya-Sabotaj (Mahathir)

DR MAHATHIR MINTA ANGGOTA PARTI KOMPONEN BN KEDAH TIDAK SABOTAJ
CALON

ALOR STAR, 6 Mac (Bernama) -- Penasihat Pilihan Raya Negeri Kedah Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri ini supaya tidak mensabotaj calon yang dipilih pucuk pimpinan bagi menjamin kemenangan pada pilihan raya umum ke-11, 21 Mac ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata perbuatan terbabit dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada parti yang menyebabkan berlakunya perpecahan sehingga membolehkan parti pembangkang memperoleh kemenangan.

"Sekiranya ada pertelingkahan pasal calon, akan berlaku perpecahan yang memberi kesan kepada parti," katanya pada majlis perjumpaan bersama jentera kerja pilihan raya BN Kedah di Bangunan Tunku di sini.

Beliau berkata seseorang itu tidak harus merajuk dan marah sekiranya tidak terpilih sebagai calon dan melakukan sabotaj dengan menyuruh penyokongnya supaya tidak mengundi calon yang dipilih.

"Ada yang bersikap kalau seseorang itu tidak jadi calon, dia tidak akan sokong calon yang dipilih, ini yang menyebabkan kita kalah. Kita mesti berjuang bukan untuk jadi calon tetapi kita berjuang untuk memantapkan dasar parti.

Kita mesti sediakan pemikiran yang hari ini giliran dia jadi calon, mungkin esok giliran kita pula. Sepatutnya siapa jadi calon tidak jadi soal, yang penting calon BN menang, kita mesti pangkah dacing sahaja," katanya.

Mengambil contoh dirinya, Mahathir berkata beliau akan menyokong siapa sahaja calon yang dipilih menggantikannya bagi kerusi Parlimen Kubang Pasu atas dasar terhutang budi.

Bekas Perdana Menteri itu berkata calon yang bakal dipilih bagi kerusi berkenaan semestinya penyokongnya ketika beliau menjadi wakil rakyat

dan
kini adalah masa baginya untuk membalas budi dan menyokong calon
itu.

"Saya merayu supaya semua anggota parti membendung perasaan
marah dan
menerima siapa sahaja yang dipilih sebagai calon selain bekerja kuat
bagi
memastikan calon BN menang," katanya.

Semua anggota parti terutama Umno mesti menunjukkan teladan baik
di
samping merapatkan barisan bagi menghadapi pilihan raya umum ini,
katanya.

-- BERNAMA

MAN LAT